

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.5, NO.11 HINGGA NO. 83)

15 JUN 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 15 JUN 2015

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah usaha dan rancangan terkini pihak Kementerian untuk membantu pekebun kecil kelapa sawit dan getah di sekitar kawasan Baram.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa prihatin dan menyediakan pelbagai bantuan kepada pekebun kecil getah dan sawit di seluruh negara, termasuk kepada pekebun kecil di sekitar kawasan Baram.

Bantuan dan subsidi yang diberikan kepada pekebun kecil sawit adalah seperti berikut:

- (i) Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

Skim ini bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan pekebun kecil yang berhasrat untuk menanam semula sawit yang kurang produktif atau yang ingin memperluaskan kawasan tanaman sawit sedia ada.

Bagi kawasan Baram, dari tahun 2011 sehingga Mei 2015 seramai 1,535 orang pekebun kecil telah mendapat bantuan TSSPK dan TBSPK melibatkan keluasan berjumlah 3,306.99 hektar. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,521 orang pekebun kecil iaitu 99% menerima bantuan TBSPK melibatkan keluasan 3,209.86 hektar. Manakala seramai 14 orang pekebun kecil menerima bantuan TSSPK melibatkan keluasan 97.13 hektar; dan

(ii) Skim Diskaun Cantas (SKIDIC)

Skim ini telah diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan cantas di kalangan pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti penuaian sawit berbanding penggunaan sabit manual. Pekebun kecil di kawasan Baram juga telah menerima bantuan skim ini bermula pada tahun 2010. Sehingga kini seramai 17 orang pekebun kecil telah menerima bantuan SKIDIC.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK) bermula pada tahun 2015 kepada para pekebun kecil yang tidak pernah menerima sebarang bantuan. Bantuan baja ini adalah pada kadar RM3,000 bagi sehektar dan dihadkan seluas 3 hektar seorang.

Di samping itu, bantuan khidmat nasihat mengenai penanaman dan pengurusan sawit serta amalan pertanian baik juga diberikan oleh pegawai-pegawai pengembangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) agar produktiviti sawit dan pendapatan pekebun kecil dapat ditingkatkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk industri getah pula, bantuan-bantuan yang telah disediakan kepada pekebun kecil adalah:

- i. Pelaksanaan Program Getah Untuk Pribumi (GUP) telah mula dilaksanakan sejak tahun 2013 di seluruh negara termasuk di Kg. Long Iman, Mulu (Daerah Baram) di Bahagian Miri. Pelaksanaan GUP di Kg. Long Iman melibatkan 40 orang peserta dengan keluasan 64 hektar. Peserta yang telah mengikuti program ini akan memberi tunjuk ajar serta memindahkan teknologi perkebunan getah kepada rakan-rakan mereka yang lain. Secara tidak langsung, menerusi pelaksanaan program ini industri tanaman getah di kalangan orang asli dan pribumi akan lebih maju dan moden; dan
- ii. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah melaksanakan projek getah di kawasan Baram di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) menerusi Jabatan Pertanian Sarawak seluas 2,613 hektar melibatkan 1,288 pekebun kecil di 22 lokasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)
SOALAN : Datuk Madius Tangau minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mendorong usaha masyarakat setempat yang melaksanakan sistem TAGAL atau BOMBON demi kelestarian sungai-sungai di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sistem TAGAL atau BOMBON telah lama dipraktikkan secara tradisi oleh masyarakat setempat di Negeri Sabah bagi tujuan menjaga dan memulihara sumber perikanan di sungai-sungai Sabah. Dengan kewujudan sistem TAGAL yang telah dipraktikkan secara turun temurun oleh masyarakat setempat di Sabah, ianya telah berjaya memulihara semula ikan-ikan yang hampir pupus dan juga meningkatkan pengeluaran serta pendapatan masyarakat tempatan.

Berdasarkan konsep sistem TAGAL ini, Kerajaan khususnya melalui Jabatan Perikanan Sabah telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan satu sistem perkongsian pintar di antara masyarakat dengan pihak kerajaan bagi menyokong di dalam hal perlindungan, pemuliharaan dan pengurusan sumber perikanan di sungai-sungai Sabah.

Antara langkah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perikanan Sabah untuk mendorong usaha masyarakat setempat melaksanakan sistem TAGAL atau BOMBON demi kelestarian sungai-sungai Sabah adalah dengan mewujudkan model TAGAL di Penampang, bekerjasama dengan masyarakat setempat, mempromosi sistem TAGAL ke daerah-daerah yang belum menggunakan TAGAL, memantau perkembangan TAGAL, menjalankan penyelidikan dan memberi bantuan dari segi peralatan dan kemudahan infrastruktur asas. Sistem TAGAL ini juga telah diperkembangkan bagi mewujudkan sukan memancing, dan tarikan pelancongan serta secara tidak langsung meningkatkan sumber pendapatan penduduk masyarakat setempat.

Di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015), Jabatan Perikanan Sabah telah diperuntukkan lebih daripada RM2 juta bagi menyokong usaha membangunkan sistem TAGAL di seluruh Sabah. Sehingga kini terdapat 221 buah sungai daripada keseluruhan 531 buah kawasan sungai di seluruh Sabah yang mempunyai sistem TAGAL.

Usaha dan langkah-langkah bagi memajukan dan mengurus sistem TAGAL ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi pengurusan dan pemuliharaan sungai di seluruh Sabah dengan penglibatan komuniti setempat.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN NIK ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS]**
TARIKH : 15 JUN 2015 [ISNIN]
SOALAN : 12

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi jenayah siber yang semakin berleluasa apatah lagi dakwaan pencipta perisian anti virus Rusia, Kaspersky bahawa Malaysia merupakan antara 10 negara yang kerap digodam pada 2014.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian sedar bahawa kebergantungan sektor awam dan swasta serta orang awam dalam penggunaan Internet untuk operasi harian sentiasa terdedah kepada ancaman siber. Justeru, Kementerian mengambil langkah yang proaktif dan bersepadu untuk menangani trend ancaman siber masa kini yang melibatkan manusia, proses dan teknologi.

Bagi memperkasakan ruang siber negara daripada ancaman siber yang semakin meningkat, langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah :

- (i) Melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (*National Cyber Security Policy - NCSP*) di bawah kawalselia Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- (ii) Membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara di bawah kawalselia MKN;
- (iii) Mengkaji kelompongan undang-undang negara bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan;
- (iv) Mengarahkan organisasi-organisasi Infrastruktur Kritikal Maklumat Negara (*Critical National Information Infrastructure - CNII*) melaksanakan pensijilan *Information Security Management System (ISMS)*.
- (v) Melaksanakan program kesedaran siber ke seluruh negara bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber seperti program *CyberSAFE (Cyber Security Awareness For Everyone)*;
- (vi) Memperkukuhkan kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa seperti ASEAN Regional Forum, Asia Pacific Computer Emergency Response Team (AP-CERT) dan Organisation of The Islamic Cooperation – Computer Emergency Response Teams (OIC-CERT).

Dari aspek teknologi, Kementerian telah melaksanakan beberapa piawaian keselamatan siber dan amalan terbaik bagi menetapkan *baseline* bagi produk, proses dan teknologi yang digunakan. Dengan mematuhi piawaian

yang ditetapkan, produk dan aplikasi teknologi keselamatan ICT mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk menangani risiko ancaman siber.

Tuan Yang Di Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia telah mencapai *ranking* yang ketiga dalam International Telecommunication Union (ITU) Global Cybersecurity Index 2014 yang menunjukkan Malaysia telah mencapai tahap yang tinggi dari aspek teknikal, perundangan, tadbir urus, keupayaan sumber manusia serta kerjasama awam-swasta berkaitan keselamatan siber.

Saya ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama membantu Kementerian menyebarkan kesedaran mengenai ancaman siber. Para pengguna kemudahan ICT mempunyai tanggungjawab bersama sebagai tonggak pertahanan terakhir (*last line of defense*) bagi menangkis ancaman siber dan mengelak daripada digodam dengan mengamalkan amalan keselamatan siber terbaik seperti melindungi perkakasan ICT daripada dijangkiti *malware*, menggunakan kata laluan yang selamat sekaligus mengelakkan kecurian identiti, kehilangan data dan sebagainya.

Kementerian menyarankan supaya organisasi yang diklasifikasikan sebagai CNII menjalankan audit keselamatan dan penilaian kerentanan (*vulnerability assessment*) serta ujian penembusan terhadap sistem maklumat kritikal dan kajian semula prosedur keselamatan IT secara berkala bagi memastikan keselamatan sistem dan aplikasinya. CyberSecurity Malaysia telah ditauliahkan sebagai badan persijilan

berdasarkan standard Common Criteria iaitu MS ISO/IEC15408 untuk menjalankan penilaian keselamatan terhadap produk ICT, sistem dan profil perlindungan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Selain itu, CyberSecurity Malaysia juga bertindak sebagai pusat koordinasi setempat menangani insiden keselamatan siber melalui perkhidmatan Cyber999 kepada orang awam. CyberSecurity Malaysia memberikan bantuan teknikal seperti perkhidmatan forensik digital kepada agensi penguatkuasa undang-undang dan badan regulatori seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Kementerian menerusi CyberSecurity Malaysia juga telah membangun dan sedang meningkatkan keupayaan Pusat Penyelidikan Malware (*Malware Research Centre*) bagi mengumpul dan menganalisis pelbagai malware yang masuk ke negara ini untuk menangani isu ancaman malware di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keperihatinan dan keterbukaan mengenai derma organ di Malaysia masih rendah. Ramai yang percaya organ yang diambil itu menjadikan jenazah tidak sempurna. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menerangkan perkara tersebut, berapa peratuskah yang setuju menjadi penderma organ, dan berapa peratuskah yang sebenarnya telah menderma.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan kesedaran dan penerimaan masyarakat mengenai derma organ di Malaysia masih rendah, namun trendnya semakin meningkat. Buat masa ini hampir 300,000 rakyat Malaysia telah berdaftar atau berikrar ataupun satu peratus (1%) dari jumlah populasi. Walaubagaimanapun, jumlah pendaftaran baru setiap tahun semakin menunjukkan peningkatan. Pada 2010 hanya 20,377 yang berdaftar

sebagai pengikrar penderma organ. Tetapi pada tahun 2014, bilangan telah meningkat kepada 39,314 orang.

Jumlah masyarakat Melayu yang telah berdaftar juga semakin meningkat. Pada tahun 2014, seramai 13,628 orang Melayu telah berdaftar mengatasi lain-lain kaum. Sebelum ini, pendaftaran baru lebih banyak diperolehi dari kaum Cina dan India. Ini menunjukkan, masyarakat Islam di negara ini lebih terbuka tentang konsep derma organ hasil dari kempen dan penjelasan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan rakan kerjasama kami seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Fatwa Kebangsaan yang mengharuskan derma organ telah lama dikeluarkan seawal tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM lebih menggalakkan pendermaan organ selepas kematian bukan semasa hidup, kerana ia tidak melibatkan risiko kepada penderma yang sudah pun meninggal dunia. Buat masa ini, sehingga 31 Mac 2015, seramai 521 orang telah menderma organ dan tisu selepas meninggal dunia. Jumlah ini juga didapati semakin meningkat dan pada tahun 2014, KKM mencatatkan jumlah pendermaan tertinggi iaitu seramai 56 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini sudah tentu tidak dapat menampung jumlah pesakit yang sedang menunggu iaitu hampir 20,000 orang. Ini menyebabkan ahli keluarga pesakit terpaksa berkorban menjadi penderma organ semasa hidup untuk didermakan kepada pesakit.

Tidak timbul isu jenazah tidak diuruskan sempurna kerana pembedahan derma organ yang akan dilakukan ke atas si mati akan dilakukan

dengan teliti dan terhormat sebagaimana yang dilakukan ke atas orang yang hidup. Jenazah juga akan dikembalikan kepada keluarga secepat mungkin selepas pembedahan bagi urusan penghormatan dan pengebumian.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak KKM sedia maklum bahawa masih terdapat banyak salah faham di kalangan masyarakat terutamanya tentang perspektif agama berkenaan dengan pendermaan organ. Sehubungan dengan itu, pihak KKM telah merangka Pelan Strategik Kempen Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun 2012. Salah satu strategi yang digariskan di bawah pelan strategik ini adalah bagi menangani salah faham yang berlegar di kalangan masyarakat berkaitan amalan pendermaan organ dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan badan-badan agama terutamanya pihak JAKIM, IKIM dan Pejabat- Pejabat Mufti. Selain itu, KKM turut bekerjasama dengan tokoh-tokoh agama yang berpengaruh seperti Dato' Noh Gadut, Dr Juanda Yahya, Dr Mohd Asri Zainal Abidin, Imam Muda Asyraf, dan Ustaz Hasrizal Jamil untuk memperluaskan mesej yang sahih tentang pendermaan organ ini. Kini, pihak KKM sedang di dalam proses untuk menerbitkan video yang menampilkan ikon-ikon agama di Malaysia bagi memberi penerangan dan informasi yang tepat tentang pendermaan organ dari perspektif Islam.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM amat menghargai keprihatinan ahli YB mengenai isu derma organ dan mengenai jumlah pesakit yang sedang menunggu. Pihak KKM merasakan sudah tiba masanya wakil rakyat menjadi contoh kepada masyarakat untuk sama-sama berikrar sebagai penderma organ setelah

meninggal dunia nanti. Sudah tiba masanya juga ahli-ahli YB sekalian mengambil langkah yang lebih drastik dan aktif untuk mendidik masyarakat dan mempromosikan pendermaan organ khususnya di kawasan masing-masing sebagaimana yang turut dilakukan oleh ahli-ahli parlimen di negara-negara maju yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 15 JUN 2015
SOALAN :

YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis program kawalan vektor seperti semburan racun nyamuk (fogging) untuk membasmi nyamuk Aedes dan sebagainya di setiap daerah di Sabah terutamanya Kota Kinabalu memandangkan Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan sehingga 1055% kes Demam Denggi. Nyatakan juga jumlah peruntukan tahunan bagi setiap program tersebut sejak 2010.

Tuan Yang Di Pertua,

Tren kes demam denggi di negeri Sabah menunjukkan peningkatan bermula pertengahan Januari 2015. Justeru itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menjalankan aktiviti kawalan secara intensif terutama bagi mengatasi peningkatan kes denggi yang berlaku di daerah Kota Kinabalu dan Penampang. Hasil pelaksanaan aktiviti kawalan secara intensif seperti semburan kawalan larva (larvisid), semburan nyamuk dewasa (adultisid) dan penghapusan tempat

pembiakan, kes denggi telah berjaya dikurangkan di negeri Sabah khususnya di kedua-dua daerah pada awal Februari tahun 2015.

Bagi memastikan peningkatan kes denggi di Sabah dapat dibendung secara berterusan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah melancarkan Ops Mega Denggi dengan pelaksanaan aktiviti kawalan yang lebih agresif dan berterusan mulai 1 Mac 2015 sehingga 30 Mac 2015. Mobilisasi pelbagai kategori anggota dari seluruh negeri Sabah telah dilaksanakan. Sepanjang Operasi Mega ini, usaha-usaha bagi mengawal wabak denggi telah dipertingkatkan dengan kerjasama pelbagai agensi dan kementerian. Ini termasuk aktiviti meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat melalui hebahan mesej denggi setiap hari sepanjang Operasi Mega di stesen radio, Kota Kinabalu FM dan melaksanakan gotong-royong berterusan dengan kerjasama pemimpin masyarakat di peringkat daerah dan negeri.

Berkat usaha yang pelbagai ini, tren kes denggi telah menunjukkan penurunan mulai awal Mac 2015. KKM akan terus berusaha untuk menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan yang berkesan bagi menghalang peningkatan kes. Namun, KKM menyeru segenap lapisan masyarakat untuk memberi sokongan dan sama-sama memainkan peranan supaya hasrat untuk mencegah kes denggi dapat direalisasikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan peruntukan tahunan mengikut keperluan setiap negeri termasuk Sabah melalui Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit. Pada tahun 2010, jumlah peruntukan yang telah diagih ke negeri Sabah adalah sebanyak RM45,567,000. Agihan peruntukan pada tahun 2011 adalah RM64,247,748; tahun 2012 sebanyak RM69,411,400; tahun 2013 sebanyak RM60,659,788 dan tahun 2014 sebanyak RM78,217,869. Bagi tahun 2015 pula, agihan peruntukan ke negeri Sabah adalah sebanyak RM60,086,500.

Walau bagaimanapun, agihan peruntukan untuk aktiviti pencegahan dan kawalan denggi adalah ditentukan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Sabah. Daripada jumlah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit, sebanyak 20% hingga 40% digunakan untuk aktiviti pencegahan dan kawalan denggi iaitu mengikut beban kes denggi di negeri. Perincian peruntukan untuk negeri Sabah sejak 2010 adalah seperti di Lampiran 1.

LAMPIRAN 1**PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS KAWALAN PENYAKIT BAGI NEGERI SABAH**

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Peruntukan (RM)	45,567,000	64,247,748	69,411,400	60,659,788	78,217,869	60,086,500